

20/06/1998

Pemegang biasiswa patut balas jasa negara

KELAB Umno bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir supaya pelajar yang menerima biasiswa kerajaan pulang untuk berkhidmat di tanah air selepas menamatkan pengajian di seberang laut.

Ahli Majlis Tertinggi Kelab Umno Australia, Ahmad Faizal Azumu, berkata pelajar yang mendapat biasiswa kerajaan seharusnya kembali bertugas di negara sendiri selepas menamatkan pengajian sebagai tanda mengenang budi.

"Sebagai golongan yang mengenang budi, cara terbaik membalas jasa rakyat dan negara ialah kembali untuk berkhidmat di negara ini.

"Mereka sudah menggunakan wang rakyat, jadi seharusnya mereka membalas budi dengan menabur bakti di negara sendiri," katanya mengulas ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan agung parti itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Bagaimanapun, katanya, pelajar yang ingin menimba lebih banyak pengetahuan dan pengalaman dengan bekerja di negara lain boleh berbuat demikian dengan syarat selepas itu kembali untuk bertugas di Malaysia.

Ahmad Faizal berkata, sebagai contoh pelajar bidang teknologi maklumat (IT) perlu mendapat pendedahan luas kerana masih banyak yang perlu dipelajari dari negara maju.

Timbalan Pengerusi Kelab Umno United Kingdom Eire, Nomee Ashikin Datuk Mohd Radzi, berkata beliau bagi pihak pelajar di luar negara mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan kerajaan mewujudkan dasar pendidikan, khususnya menyediakan biasiswa kepada pelajar cemerlang melanjutkan pelajaran.

Bagaimanapun, beliau kesal kerana ada pelajar tidak mengenang budi, yang enggan pulang ke tanah air untuk berkhidmat selepas berjaya dengan biasiswa kerajaan.

"Sikap ini tidak sepatutnya ada kerana rakyat dan negara memerlukan mereka, khususnya bagi membantu membangunkan negara," katanya.

(END)